

39,711 gagal buah pinggang

■ Seramai 64 peratus terima rawatan dialisis adalah penghidap diabetes

HARIAN METRO 19/08/2019 MIS

Nor Akmar Samudin
am@hmetro.com.my

Kual Lumpur

Bilangan pesakit buah pinggang di seluruh negara dijangka meningkat kepada 106,000 orang menjelang 2040.

Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Bahari Awang Ngah berkata, menurut data *National Renal Registry Malaysia*, pada penghujung 2016, seramai 39,711 pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang menjalani rawatan dialisis di seluruh negara.

"Bagaimanapun, jumlah itu terus meningkat pada setiap tahun.

"Lebih membimbangkan 64 peratus pesakit buah pinggang yang menerima ra-



“**PD adalah pilihan dialisis yang memberi kualiti hidup lebih baik berbanding hemodialisis**”

Dr Bahari Awang Ngah


watan dialisis adalah penghidap diabetes,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Facebook MYBuah-Pinggang di sini, semalam.

Dr Bahari menggalakkan pesakit kronik buah pinggang tahap lima menerima rawatan Peritoneal Dialisis (PD) atau proses mencuci air di dalam rongga perut.

“PD adalah pilihan dialisis yang memberi kualiti hidup lebih baik berbanding hemodialisis.

“Rawatan ini dimulakan sejak 1960-an, cuma ia tidak popular sebab tidak diuar-uarankan kepada masyarakat.

“Kami masih memberi kebebasan kepada pesakit memilih jenis rawatan dialisis yang mereka mahukan,” katanya.



Menurutnya, hanya 13 peratus pesakit buah pinggang yang menerima kaedah rawatan PD pada 2016 berbanding 10 peratus pada 2011.

“Untuk itu, kami menyarankan 30 hingga 40 peratus pesakit menggunakan kaedah rawatan terbabit bermula tahun ini,” katanya.

Namun, kata Dr Bahari, kaedah terbaik dalam merawat penyakit buah pinggang adalah melalui pemindehan buah pinggang, tetapi tahap kesedaran masyarakat di negara ini terhadap pen-

dermaan organ masih rendah.

“Sekarang nisbah tiga perderma untuk sejuta penduduk di seluruh negara dan jumlah ini menyedihkan.

“Walaupun pemindahan organ dibenarkan dalam agama, tetapi masyarakat masih skeptikal mengenai perkara itu. Tahun ini kami menyasarkan 100 penderma buah pinggang,” katanya.

Sementara itu, Facebook MYBuahPinggang mula dibangunkan pada 2 Julai lalu hasil perbincangan Pakar Perunding Nefrologi Hospital

Tuanku Jaafar, Seremban Dr Lily Mushahar dengan tiga lagi pakar Perunding Nefrologi, Dr Suryati Yakob, Dr Nor Fadhline Zakaria dan Dr Rafidah Abdullah.

Laman sosial itu turut diselenggarakan tiga pesakit yang menjalani PD iaitu Peter Tan, Shazwali Taib dan Dr Mohd Reduan Buyong.

“Penggunaan laman ini adalah sebagai platform dalam memastikan hanya informasi yang berfakta dan tepat dapat disampaikan kepada masyarakat,” katanya.